

Persatuan Islam SMU lancar Minggu Kesedaran Islam



MEMPERTINGKATKAN KEFAHAMAN: Minggu Kesedaran Islam dengan antaranya menyediakan bufet halal bagi meningkatkan pemahaman masyarakat bukan Islam tentang kepentingan pemakanan halal bagi orang Islam. – Foto TAUFIK A. KADER

DI KALA pelajar diperkenalkan kepada asas-asas Islam, mereka turut dijemput menikmati juadah bufet yang disediakan di sekitar Sekolah Perniagaan Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Ini adalah antara kegiatan yang dianjurkan Persatuan Islam SMU bagi Minggu Kesedaran Islam, ataupun lebih dikenali sebagai Islam Awareness Week (IAW).

“Tujuannya ialah mempertingkatkan kefahaman orang ramai tanpa mengira bangsa mahupun agama tentang Islam,” jelas presiden persatuan dan mahasiswi SMU tahun ketiga dalam jurusan perniagaan, Cik Sharifah Faatimah Alhadi, 23 tahun.

Dilancarkan semalam, program bersiri

selama seminggu sehingga 28 Ogos itu turut menawarkan siri ceramah yang termasuk sesi perkongsian oleh mualaf yang pelbagai bangsa dan juga aktiviti rekreasi kejar-memanah (Archery Tag) untuk memupuk sunah Rasulullah *saw* iaitu sukan memanah.

Mahasiswa SMU tahun keempat dalam bidang sains politik, Encik Ho Wee Seng, yang ditemui membaca pameran panel mengalu-alukan usaha ini.

“Agama memainkan peranan penting dalam masyarakat. Acara sebegini menyumbang kepada kefahaman dan kedamaian hidup berbilang bangsa dan agama,” ujar Encik Ho, 24 tahun.

Maklumat lanjut boleh diperolehi di laman fb.com/smuislamawareness.